

Jeritan abang temui mayat adik

Kanak-kanak 3 tahun ditemui mati lemas dalam lubang kumbahan

NOOR AINON
MOHAMED YUSOF

IPOR

Jeritan abang membawa kepada penemuan mayat adiknya berusia tiga tahun yang terjatuh ke dalam lubang kumbahan di Kuarters Polis, Balai Polis Pasir Puteh di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi itu, Muhamad Anas Hadif Ahmad Hafiz ditemui lemas oleh pasukan bomba selepas 30 minit operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan.

Bapanya, Lans Koperah Ahmad Hafiz Mustafa, 32, berkata, dia bersama isterinya, Sofiah Mohd Teridi,



Ahmad Hafiz (tengah) bersama isterinya, Sofia mengangkat jenazah anak bongsu mereka untuk dikebumikan di Lekir, Ipoh semalam.

32, bergegas turun dari tingkat tiga rumah pangsa berhampiran selepas terdengar jeritan kuat daripada anak ketiga mereka, Muhamad Asyraf, 6.

"Kami berada di rumah terdengar jeritan mereka, saya kelam-kabut turun ke bawah kerana ingatkan mereka terlibat kemalangan. Setibanya di bawah, saya

tidak nampak Anas melainkan Muhamad Syakir Zufairi, 7, dan Asyraf sahaja.


"Selepas mendapatkan mereka, saya nampak penutup lubang kumbahan terbuka. Lihat sahaja ke dalam saya nampak selipar dipakai anak terapung. Saya cam selipar dia," katanya ketika ditemui di Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPBB) di sini.

Menurutnya, mangsa bersama dua abangnya, sering bermain di lokasi kejadian.

"Mereka selalu bermain di kawasan lapang yang terletak di belakang Balai Polis Pasir Puteh itu termasuk semalam (kelmarin).

"Anas anak yang manja. Dia rapat dengan kami semua. Baru sebulan kami pindah ke sini dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung," katanya.

Suasana pilu menyelu-



Seorang anggota bomba ditugaskan masuk ke dalam lubang kumbahan dan berjaya menemui mangsa pada kedalaman dua meter pagi semalam.

bungi pekarangan Jabatan Forensik apabila anak sulung mereka, Mohamad Syaif, 10, menangis teresak-esak selepas keluar melihat jenazah adiknya itu.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Tiram, Lekir, Manjung.

Penutup lubang senang dibuka

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz berkata, kemalangan itu berlaku apabila penutup lubang tersebut dipercayai dibuka oleh sekumpulan kanak-kanak.

"Penutup lubang itu dipercayai telah dialihkan sejak semalam (kelmarin) tanpa ditutup. Ia satu kemalangan dan bukanlah dibiarkan terbuka," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi dari Balai Bomba



Dalam lubang kumbahan inilah mangsa ditemui mati lemas.

dan Penyelamat Pasir Puteh, Mohd Fadzeli Che Hussin berkata, seramai 11 anggota bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pada jam 8.16 pagi.

"Anggota bertindak menggunakan pam untuk mengeluarkan sebahagian air kumbahan. Seorang anggota dipakaikan abah-abah dan tali untuk mencari mangsa di dalam lubang

terbabit pada kedalaman dua meter dan menemui mangsa pada jam 9 pagi," katanya.

Menurutnya, anggota memberi bantuan Pernafasan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) setelah mangsa berjaya dikeluarkan.

"Bagaimanapun, pegawai perubatan di lokasi mengesahkan mangsa telah meninggal dunia," katanya.



Kenangan... Sofia mendukung arwah Anas (baju hijau) bergambar bersama tiga anaknya yang lain.